

## FORMAT PERTANDINGAN

### ACARA FUN WALK

---

**Tarikh** : 25.02.2024 (Ahad)

**Lokasi** : Taman Kecergasan Kompleks Sukan Kota Kinabalu ([Peta](#) / Rujuk Peta *Fun Walk*)

**Masa** : 7 – 9 pagi

#### A) Sebelum Acara

1. Semua Zon perlu menghantar senarai **Nama Penuh** (berserta **No. Kad Pengenalan, Jawatan/ Gred, Tempat Bertugas & No. Handphone**) bagi setiap penyertaan pada kategori 1 – 6 kepada Ketua Penyelaras *Fun Walk* mengikut kategori di bawah:

Bil	Kategori*	Jarak	Jumlah Peserta	Pungutan Mata
1.	<b>Terbuka - Lelaki</b> (Umur di bawah 48)	6 KM	Tiada Had	<b>Johan = 7 mata.</b> <b>Naib Johan = 5 mata.</b> <b>Ketiga = 3 mata.</b> <b>Ke-4 hingga ke-10 = 1 mata</b>
2.	<b>Terbuka - Wanita</b> (Umur di bawah 35)			
3.	<b>Veteran - Lelaki</b> (Umur 49 – 60)			
4.	<b>Veteran - Wanita</b> (Umur 36 – 60)			
5.	<b>VIP - Lelaki</b> (Skel 44 – VU7)			
6.	<b>VIP - Wanita</b> (Skel 44 – 54)			

*\*Kategori umur adalah berdasarkan kepada umur (tahun) pada tahun penganjuran*

*Contoh: Cik Siti lahir pada 29 Mac 1988, maka umur Cik Siti pada tahun 2024 ialah 36 tahun (maka Cik Siti hanya layak menyertai kategori Veteran Wanita)*

2. Semua peserta dikehendaki datang lebih awal bagi menghadiri sesi pendaftaran dan taklimat daripada Marshall/ Urusetia.
3. Peserta yang mempunyai masalah kesihatan yang kronik tidak digalakkan untuk menyertai acara ini.

#### B) Semasa Acara

1. Semua peserta dikehendaki memakai kasut dan pakaian yang sopan dan bersesuaian.
2. Peserta **TIDAK** dibenarkan sama sekali berlari dalam acara *Fun Walk* – **JUST WALK!**
3. Peserta **WAJIB** mengikut laluan dan jarak yang telah ditetapkan serta mematuhi arahan Marshall/ Urusetia.
4. Kegagalan mematuhi syarat B (2) & B (3) akan menyebabkan penyertaan peserta terbatal dan penalti pemotongan markah Zon mengikut pertimbangan pengadil dan Marshall/ Urusetia.

5. Keputusan Penganjur/ Marshall/ Urusetia adalah **MUKTAMAD** dan sekiranya didapati mana-mana pasukan gagal mematuhi peraturan, pihak penganjur berhak membatalkan penyertaan pasukan berkenaan untuk menyertai pertandingan ini.

**LAIN-LAIN PERKARA / DISCLAIMER:**

1. Penganjur/ Marshall/ Urusetia **TIDAK ADA** menyediakan makanan/ minuman/ pengangkutan untuk peserta *Fun Walk*. Semua ini adalah di bawah tanggungjawab setiap Zon/ peserta.
2. Semua peserta **DILARANG** memasuki atau mendekati kawasan/ badan air tasik untuk apa-apa tujuan sekalipun.
3. Semua peserta hendaklah mematuhi sepenuhnya semua tanda larangan dan peraturan-peraturan yang dikeluarkan oleh pihak Taman Kecergasan Kompleks Sukan.
4. Penganjur/ Marshall/ Urusetia **TIDAK** akan bertanggungjawab di atas kecederaan, kecuaiian dan kemalangan jiwa jika berlaku sepanjang acara *Fun Walk* berlangsung.
5. Penganjur/ Marshall/ Urusetia **TIDAK** akan bertanggungjawab di atas kehilangan barang peribadi atau kerosakan, pecah kenderaan atau hilang, semua itu adalah tanggungjawab peserta untuk memastikan keselamatan barang masing-masing.
6. Petugas perubatan /Marshall / Urusetia **BERHAK** untuk mengeluarkan peserta jika didapati tidak mampu meneruskan *Fun Walk* **ATAU** menghantar mangsa ke hospital terdekat sekiranya perlu (kos perubatan ditanggung oleh peserta).

Disediakan oleh,

Ketua Penyelaras Acara *Fun Walk*

07 Feb 2024

SEMINAR KECERGASAN  
JABATAN PERTANIAN SABAH  
2024

# FUN WALK

TAMAN KECERGASAN KOMPLEKS SUKAN KOTA KINABALU  
25 FEBRUARI 2024 (AHAD)  
7 - 9 AM

